



## Analisis Tematik Penulisan Tentang Hak Kebebasan Beragama Di Portal Berita Malaysiakini

### Thematic Analysis of Reports About Freedom of Religious Rights on Malaysiakini News Portal

**Kamal Azmi Abd Rahman\***, **Ain Balkis Mohd Azam\*\***, **Sarjit Singh\*\*\***, **Abd Hakim Mohad\*\*\*\***, **Khadijah Binti Muda\*\*\*\*\***, **Adibah Binti Sulaiman\*\*\*\*\***

*\*Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.*

Emel: [kamalazmi@usim.edu.my](mailto:kamalazmi@usim.edu.my)

*\*\*Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia*

Emel: [ainbalkis@gmail.com](mailto:ainbalkis@gmail.com)

*\*\*\*Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.*

Emel: [sarjit@upm.edu.my](mailto:sarjit@upm.edu.my)

*\*\*\*\* Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.*

Emel: [abdhakim@usim.edu.my](mailto:abdhakim@usim.edu.my)

*\*\*\*\*\* Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.*

Emel: [khadijahmuda@usim.edu.my](mailto:khadijahmuda@usim.edu.my)

*\*\*\*\*\* Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.*

Emel: [adibah@usim.edu.my](mailto:adibah@usim.edu.my)

#### Article Info

---

##### Article history:

Received: 12<sup>th</sup> June 2023

Accepted: 6<sup>th</sup> October 2023

Published: 31<sup>st</sup> December, 2023

---

##### DOI:

10.33102/jicicom.vol3no2.91

---

---

### ABSTRAK

Isu hak Kebebasan Beragama (HKB) di Malaysia sering menjadi polemik bukan sahaja di peringkat negara malahan juga di peringkat antarabangsa. Antara isu HKB yang hangat diperdebatkan di Malaysia ialah isu murtad, kalimah Allah dan ajaran sesat. Oleh itu, media memainkan peranan penting dalam menyampaikan isu HKB kepada orang awam. Penyampaian berita ini mampu membentuk persepsi masyarakat terhadap isu HKB di Malaysia. Terdapat beberapa portal berita atas talian yang menjadi medium penyampaian isu HKB. Salah satu portal berita yang sering melaporkan isu HKB ialah portal berita *Malaysiakini.com*. Oleh yang demikian, kertas kerja ini bertujuan menganalisis kandungan berita HKB di portal berita *Malaysiakini.com*. Metodologi yang digunakan adalah analisis kandungan berita berkaitan HKB bermula tahun 2019 hingga 2023 di portal berita *Malaysiakini.com*. Kajian mendapati bahawa portal berita *Malaysiakini.com* telah menerbitkan berita HKB tertinggi pada tahun 2019 dan terendah pada tahun 2023 sehingga Mei. Penulis juga telah mengenalpasti

sebanyak 12 tema HKB dari penulisan-penulisan yang telah diterbitkan iaitu; (1) Antarabangsa, (2) Dialog dan toleransi beragama, (3) Hak asasi manusia, (4) Hak penyebaran agama bukan Islam, ajaran dan ideologi asing, (5) Hak penyebaran agama Islam, (6) Kalimah Allah, (7) Kebebasan melakukan dosa dan menghina Islam, (8) Keluar masuk Islam, (9) Kenegaraan, (10) Kritik insittusi agama Islam, (11) Pemeliharaan tradisi Islam dan (12) Politik. Bagi menyeimbangkan pelaporan dan penulisan berita HKB yang berbentuk polemik atau isu, portal berita atas talian seperti *Malaysiakini.com* disarankan untuk melaporkan tentang sikap toleransi beragama dan kehidupan yang harmoni yang telah dikecapi oleh masyarakat pelbagai di Malaysia. Ini juga dapat mengurangkan persepsi negatif terhadap pengamalan HKB di Malaysia sama ada dalam kalangan masyarakat Malaysia ataupun pelaporan berita di peringkat global.

**Kata kunci:** *Hak kebebasan beragama; Malaysia; Malaysiakini; Portal berita*

### ABSTRACT

The right to freedom of religion (HKB) in Malaysia is an issue that often becomes a polemic not only at the national but international level. Among the HKB issues that are frequently debated in Malaysia include the issue of apostasy, the 'Allah' word and deviant group. Therefore, the media plays an important role in portraying HKB issues to the public. The delivery of this news also shaped the public's perception of the HKB issue in Malaysia. There are several online news portals that serve as a medium for presenting HKB issues. One of the news portals that often report HKB issues is *Malaysiakini.com*. Therefore, this paper aims to analyse the content of HKB news on *Malaysiakini.com*. The methodology used is a content analysis of HKB-related news from 2019 to 2023. The study found that *Malaysiakini.com* news portal has published the highest HKB news in 2019 and the lowest in 2023 until May. The article has also identified as many as 12 HKB themes from the writings that have been published, namely; (1) International, (2) Dialogue and religious tolerance, (3) Human rights, (4) The right to spread non-Islamic religions, foreign teachings and ideologies, (5) The right to spread Islam, (6) The 'Allah' word, (7) Freedom to commit sins and insult Islam, (8) Embracing Islam and apostacy, (9) Nationality, (10) Criticism of Islamic religious institutions, (11) Preservation of Islamic traditions and (12) Politics. In order to balance the reporting and writing of HKB news in the form of polemic or issue, online news portals such as *Malaysiakini.com* are also recommended to write about the attitude of religious tolerance and harmonious life that the Malaysian plural community has experienced. This can also reduce the negative perception of the practice of HKB in Malaysia either among the Malaysian community or news reporting at the global level.

**Keywords:** *Religious freedom, Malaysia, Malaysiakini, News portal*

## PENGENALAN

Hak Kebebasan Beragama (HKB) merupakan isu hangat yang sering menjadi perdebatan dalam kalangan rakyat, ahli politik, pemimpin dan badan-badan yang berkaitan di Malaysia. Walaupun HKB di Malaysia telah dijamin dalam perlembagaan bagi setiap warganya, namun isu HKB terutamanya yang berkaitan dengan murtad terus menjadi polemik bukan sekadar dalam masyarakat bahkan dalam aspek perundangan (Mohamed Adil, 2003).


Terdapat beberapa isu utama dalam HKB yang sering timbul di Malaysia. Antaranya ialah isu penggunaan kalimah Allah, keluar Islam (murtad), ajaran sesat dan penyebaran agama bukan Islam. Antara kes terbaru ialah isu penggunaan kalimah Allah di mana kerajaan mengambil keputusan untuk menarik semula rayuan keputusan Mahkamah Tinggi memutuskan penganut agama Kristian boleh menggunakan kalimah 'Allah' dan tiga perkataan Arab lain dalam penerbitan bahan agama mereka bagi tujuan pendidikan (Noor Azlida, 2023). Isu lain yang turut menjadi kontroversi di Malaysia ialah isu keluar Islam dan murtad. Sebagai contoh seorang wanita Islam yang mendakwa tidak pernah mengamalkan ajaran Islam dibenarkan oleh ibunya untuk memilih agama namun akhirnya permohonan tersebut ditolak oleh mahkamah (Hidir Reduan, 2023).

Di Malaysia, media memainkan peranan penting untuk memaklumkan dan menggambarkan isu HKB yang berlaku kepada rakyat. Oleh itu, media secara langsung mencorakkan pandangan masyarakat terhadap isu HKB di peringkat tempatan dan antarabangsa. Antara portal berita atas talian yang turut mengetengahkan isu HKB di Malaysia ialah portal berita *Malaysiakini.com*.

Justeru, artikel ini bertujuan untuk menganalisis berita HKB di portal berita *Malaysiakini.com*. Metodologi yang digunakan ialah analisis kandungan berita yang berkaitan HKB bermula tahun 2019 hingga Mei 2023. Kandungan berita tersebut seterusnya akan dianalisis dan dibincangkan secara tematik. Kaedah carian adalah menggunakan kata kunci 'hak kebebasan beragama' di portal berita *Malaysiakini.com*.

## DAPATAN KAJIAN

Dengan menggunakan kata kunci 'hak kebebasan beragama' di portal berita *Malaysiakini.com* bermula tahun 2019 hingga Mei 2023, kajian telah menemui 77 berita atau penulisan tentang HKB. Walaupun begitu setelah diteliti, hanya 68 penulisan yang akan digunakan di dalam kajian analisis tematik ini kerana 9 artikel yang lain adalah tidak berkaitan dengan perbincangan HKB. Rajah 1 menunjukkan kaedah carian berita HKB di portal *Malaysiakini.com*.

Rajah 1: Kaedah carian berita hak kebebasan beragama di *Malaysiakini.com*


77 jumlah artikel ditemui.

Jadual dibawah menunjukkan artikel yang pernah dilaporkan oleh portal berita *Malaysiakini.com* berkenaan isu HKB di Malaysia dari tahun 2019 hingga 2023.

Jadual 1: Penulisan HKB di *Malaysiakini.com*

2019		
Bil	Tajuk (pengarang, tahun)	Tema
1	Kumpulan moderat, keras, berhimpun demi Uyghur (M Fakhrull Halim, 2019)	Antarabangsa
2	Kesatuan Guru Kanada Fail Saman Larangan Guna Simbol Agama (2019)	Antarabangsa
3	Ibrah Dari Kemenangan Liverpool Menurut Mufti Wilayah (2019)	Antarabangsa
4	Isu Uighur: NGO Islam bantah depan kedutaan China (Wong Kai Hui, 2019)	Antarabangsa
5	Persatuan Gereja Sarawak Rayu Kekalkan Keamanan (2019)	Dialog dan Toleransi beragama
6	NGO hantar laporan hak asasi kanak-kanak kepada kementerian (Ramieza Wahid, 2019)	Hak Asasi Manusia
7	Tak Setuju Dengan Syiah Bukan Alasan Tangkap Pengikutnya – LFL (2019)	Hak Penyebaran Agama Bukan Islam, Ajaran atau Ideologi Asing

8	Tidak perlu pertikai usaha dakwah kepada Orang Asli Kelantan (Bernama, 2019)	Hak Penyebaran Agama Islam
9	Jakoa Siasat Dakwaan Ubah Suai MyKad Orang Asli Jadi Islam (2019)	Keluar masuk Islam
10	Sultan Nazrin: Lepas 62 tahun, agenda perpaduan masih samar (Bernama, 2019)	Kenegaraan
11	Membunuh Mak Yong dan Petala Indra (Faisal Tehrani, 2019)	Kritik institusi agama Islam
12	Bangsa Kelantan (Faisal Tehrani, 2019)	Kritik institusi agama Islam
13	Mujahid bawa isu keamanan, halal dan haji ke China (Bernama, 2019)	Pemiliharaan Tradisi Islam
14	Tajuddin Dirujuk Ke Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Parlimen (2019)	Politik
15	Pemuda PAS senarai "15 hujah DAP anti-Islam" (Hishamuddin Abdul Karim, 2019)	Politik
16	Malang Melayu sahaja dilabel rasis (Abdul Hadi Awang, 2019)	Politik
17	Hadi: Pembangkang Perlukan Bukan Islam Yang Tak Ekstrem (2019)	Politik
18	PAS sokong MCA kerana Melayu-Islam 'terlalu majoriti.' (M Fakhru Halim, 2019)	Politik
19	PH perkasa Islam? Kosong peritus (Aminuddin Yahaya, 2019)	Politik
<b>2020</b>		
<b>Bil</b>	<b>Tajuk (pengarang, tahun)</b>	<b>Tema</b>
20	Dr M Kecam Presiden Perancis Susulan Kenyataan Tentang Islam (2020)	Antarabangsa
21	Lembaga Pengawas Facebook Jadikan Ciapan Dr M	Antarabangsa

	Kes Pertama (2020)	
22	2020 datang bersama konflik baru dunia Islam (2020).	Antarabangsa
23	<i>Dr M: Kenyataan Saya Tentang Isu Di Perancis Di-putar Belit</i> (2020)	Antarabangsa
24	KOLUM   New Zealand 'negara Islam' nombor 1 di dunia (Mohd Fudzail Mohd Nor, 2020)	Antarabangsa
25	Pemuda PAS Kelantan gesa boikot barangan Perancis (N Faizal Ghazali, 2020)	Antarabangsa
26	<i>Twitter Padam Ciapan Dr M Kerana "Langgar Peraturan,"</i> (2020)	Antarabangsa
27	Zawawi Sedia Berdialog Secara Harmoni (2020)	Dialog dan Toleransi beragama
28	<i>Pembaharuan Hak Asasi Di Malaysia Terhenti Pada 2019, Kata Badan Pemantau</i> (2020)	Hak Asasi Manusia
29	SURAT   Ironi serangan pada liberalisme dan sekularisme. Platform for Reform (Kluster Harmoni 2020)	Hak Penyebaran Agama Bukan Islam, Ajaran atau Ideologi Asing
30	<i>KDN Semak Semula Sekatan Buku Selama 42 Tahun</i> (2020)	Hak Penyebaran Agama Bukan Islam, Ajaran atau Ideologi Asing
31	Lelaki dipenjarakan 26 bulan kerana hina Islam, Nabi dan Hadi Awang. (Bernama, 2020)	Kebebasan melakukan dosa dan menghina Islam
32	G25 perjas laporan tentang murtad, Jakim (2020)	keluar masuk Islam
33	G25: Jika mahu tinggalkan Islam, itu antara dia dan Tuhan (Ramieza Wahid, 2020)	keluar masuk islam

34	Di kala Rukun Negara diabaikan (Shahir Adnan, 2020)	Kenegaraan
35	Program Mukhayyam: Jakim lapor polis terhadap akaun Twitter (2020)	Kritik institusi agama Islam
36	<i>Tiada Keperluan Bangkit Kebimbangan Terhadap Hak Sabah, Sarawak</i> (2020)	Politik
37	Isu Injil Bukti PAS, PN Tak Sesuai Terajui Masyarakat Majmuk -Aziz Bari (2020)	Politik
<b>2021</b>		
<b>Bil</b>	<b>Tajuk (pengarang, tahun)</b>	<b>Tema</b>
38	Agensi Hak Asasi Manusia OIC Kutuk Kekejaman Israel (2021).	Antarabangsa
39	KOLUM   Liberal akan bebaskan Palestin (Faisal Tehrani, 2021)	Antarabangsa
40	<i>Menteri: Akta Kawal Penyebaran Agama Bukan Islam Hanya Untuk Wilayah Persekutuan</i> (2021)	Hak Penyebaran Agama Bukan Islam, Ajaran atau Ideologi Asing
41	<i>Suara Dari Sabah Rayu PM Hentikan RUU Sekat Sebar Agama Bukan Islam</i> (2021)	Hak Penyebaran Agama Bukan Islam, Ajaran atau Ideologi Asing
42	<i>Boleh Guna Perkataan Allah Tapi Tetap Ada Sempadan, Kata Hadi</i> , (2021)	Isu kalimah Allah
43	<i>Sekat Judi, Arak Nafi Hak Orang Bukan Islam</i> (Ramasamy, 2021)	Kebebasan melakukan dosa dan menghina Islam
44	Kes Video Murtad Dalam Siasatan Polis – Zulkifli (2021)	Keluar masuk Islam

45	Ejen insurans mohon mahkamah batal status peluk Islam secara sepihak (Hidir Reduan Abdul Rashid, 2021)	Keluar masuk Islam
46	Pelajar sekolah vernakular hadapi masalah kerana lemah BM – Peguam (Hidir Reduan Abdul Rashid, 2021)	Kenegaraan
47	SURAT   Fahami perlembagaan, undang-undang tertinggi negara (Lim San Shien, 2021)	Kenegaraan
48	<i>Isu tudung Yeoh semarakkan pertembungan aliran dalam DAP</i> (Zikri Kamarulzaman, 2021)	Politik
49	<i>PSB Janji Tanah Pegangan Bebas, Sekularisme, Penghutanan Semula</i> (2021)	Politik
<b>2022</b>		
<b>Bil</b>	<b>Tajuk (pengarang, tahun)</b>	<b>Tema</b>
50	Malaysia Kecam Sekeras-Kerasnya Provokasi Bakar Al-Quran Di Sweden (17 April 2022)	Antarabangsa
51	Pemimpin Kerajaan Gesa Perpaduan, Tolak Ekstremisme Dalam Ucapan Krismas (2022)	Dialog dan Toleransi beragama
52	"GPS Pertahan Kebebasan Beragama, Tolak Ekstremisme" - Abang Jo (2022)	Dialog dan Toleransi beragama
53	<i>PAS Jamin Takkan Laksana Dasar Menekan, Khususny Di Sabah, Sarawak</i> (2022)	Dialog dan Toleransi beragama
54	<i>Haris Ibrahim Kembali Jadi Peguam Demi Pertahan Malaysia "Sekular,"</i> (2022)	Hak Penyebaran Agama Bukan Islam, Ajaran atau Ideologi Asing
55	<i>CIJ Kecam Siasatan Terhadap Zul Ariffin</i> (2022)	Kebebasan melakukan dosa dan menghina Islam



56	<i>Polis siasat aktivis berhubung video isu penukaran agama sepihak</i> (Raveena Nagotra, 2022)	keluar masuk Islam
57	<i>Peguam: Amaran PAS Berhubung Isu Agama Anak Loh Menghina Mahkamah</i> (2022)	keluar masuk Islam
58	ULASAN   Di sebalik kepercayaan kepada Tuhan. (Jessica Ong Hai Liaw & Rabi'ahtuladawyah Md Saleh, 2022)	Kenegaraan
59	Majlis Daerah Batu Gajah: Tulisan Jawi tak wajib tapi digalakkan (Ng Xiang Yi, 2022)	Pemeliharaan Tradisi Islam
60	Rakyat Sarawak bimbang pakatan GPS-PAS. (Andrew Sia, 2022)	Politik
61	KOLUM   Entah berapa pusingan PRU lagi (Lim Hong Siang, 2022)	Politik
<b>2023</b>		
<b>Bil</b>	<b>Tajuk (pengarang, tahun)</b>	<b>Tema</b>
62	Malaysia, Sweden Teruskan Usaha Perangi Islamofobia (2023)	Antarabangsa
63	ULASAN   Kes 'Allah': Kenapa hujah Muhyiddin terlalu rapuh (Rusdi Omar, 2023)	Isu kalimah Allah
64	Isu Kalimah 'Allah': Kerajaan Kaji Arahan Lebih Menyeluruh – Saifuddin (2023)	Isu kalimah Allah
65	ULASAN   Kalimah Allah: Bukan petanda kerajaan tak lagi bela Islam (Mujahid Yusof, 2023)	Isu kalimah Allah
66	3 majlis agama tarik diri dari mencelah dalam kes 'Allah'. (Hidir Reduan Abdul Rashid, 2023)	Isu kalimah Allah
67	PANDUANKINI   Melihat dari awal isu penggunaan kalimah "Allah." (Geraldine Tong & Zikri Kamarulzaman, 2023)	Isu kalimah Allah

68	ULASAN   Anwar lulus ujian 100 hari, PN gagal (Lim Kit Siang, 2023)	Politik
----	---	---------

Rajah 2: Kekekapan penulisan HKB mengikut tahun



Jadual 1 menunjukkan senarai tajuk artikel, nama pengarang dan tahun penerbitan. Melalui senarai ini, penulis telah mengenalpasti sebanyak 12 tema yang berkaitan HKB iaitu; (1) Antarabangsa, (2) Dialog dan toleransi beragama, (3) Hak asasi manusia, (4) Hak penyebaran agama bukan Islam, ajaran dan ideologi asing, (5) Hak penyebaran agama Islam, (6) Kalimah Allah, (7) Kebebasan melakukan dosa dan menghina Islam, (8) Keluar masuk Islam, (9) Kenegaraan, (10) Kritik insittusi agama Islam, (11) Pemeliharaan tradisi Islam dan (12) Politik.

Pemilihan tema dibuat berdasarkan kepada beberapa ciri atau aspek dalam kandungan berita. Penulisan HKB tema antarabangsa merupakan berita yang berkaitan dengan hak untuk berhimpun, toleransi beragama, isu menghina Islam, keganasan terhadap Islam dan konflik Palestin. Manakala di bawah penulisan bertema dialog dan toleransi beragama melaporkan berkenaan ekstrimisme dan politik. Bukan itu sahaja, dibawah penulisan bertemakan hak penyebaran agama bukan islam, ajaran atau ideologi asing ada menyebut berkenaan penyebaran ajaran Syiah, hubungan Islam dan Kristian serta laporan berkenaan dakwah. Terdapat beberapa isu yang dibawakan dalam penulisan di bawah tema murtad iaitu selain keluar Islam, terdapat juga isu kawalan penyebaran agama lain terhadap penganut yang beragama Islam dan isu pengislaman anak secara sepihak. Manakala tema-tema lain ada melaporkan

berita berkaitan perundangan, integrasi nasional, menghina orang bukan Islam dan hubungan antarabangsa.

Rajah 2 menunjukkan kekerapan penerbitan penulisan berkaitan HKB di portal *Malaysiakini.com* mengikut tahun. Tahun 2019 menunjukkan angka tertinggi dalam penulisan berkaitan HKB di portal *Malaysiakini.com* iaitu sebanyak 19 penulisan. Manakala tahun terendah adalah pada tahun 2023 setakat bulan Mei. Pada tahun 2020, *Malaysiakini.com* telah mengeluarkan sebanyak 18 penulisan. pada tahun 2021 dan 2022 kedua-duanya mengeluarkan jumlah yang sama iaitu sebanyak 12 penulisan.

## PERBINCANGAN

Jadual 2: Penulisan hak kebebasan beragama mengikut tema dan tahun

Bil	Tema HKB	2019		2020		2021		2022		2023		Jumlah	
		Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
1	Antarabangsa	4	5.9	7	10.3	2	2.9	1	1.5	1	1.5	15	22.1
2	Dialog dan toleransi beragama	1	1.5	1	1.5	0	0.0	3	4.4	0	0.0	5	7.4
3	Hak Asasi manusia	1	1.5	1	1.5	0	0.0	0	0.0	0	0.0	2	2.9
4	Hak penyebaran agama bukan Islam, ajaran dan ideologi asing	1	1.5	2	2.9	2	2.9	1	1.5	0	0.0	6	8.8
5	Hak penyebaran agama Islam	1	1.5	0	0.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0	1	1.5
6	Kalimah Allah	0	0.0	0	0.0	1	1.5	0	0.0	5	7.4	6	8.8
7	Kebebasan melakukan dosa dan menghina Islam	0	0.0	1	1.5	1	1.5	1	1.5	0	0.0	3	4.4
8	Keluar masuk Islam	1	1.5	2	2.9	2	2.9	2	2.9	0	0.0	7	10.3
9	Kenegaraan	1	1.5	1	1.5	2	2.9	1	1.5	0	0.0	5	7.4
10	Kritik institusi agama Islam	2	2.9	1	1.5	0	0.0	0	0.0	0	0.0	3	4.4
11	Pemeliharaan tradisi Islam	1	1.5	0	0.0	0	0.0	1	1.5	0	0.0	2	2.9
12	Politik	6	8.8	2	2.9	2	2.9	2	2.9	1	1.5	13	19.1
	<b>Jumlah</b>	<b>19</b>	<b>27.9</b>	<b>18</b>	<b>26.5</b>	<b>12</b>	<b>17.6</b>	<b>12</b>	<b>17.6</b>	<b>7</b>	<b>10.3</b>	<b>68</b>	<b>100.0</b>

Merujuk kepada Jadual 2, tema antarabangsa merupakan tema utama penulisan hak kebebasan beragama di portal berita *Malaysiakini.com* dengan nilai kekerapan sebanyak 15 (22.1%). Manakala tema politik mencatat kekerapan kedua tertinggi dengan nilai 13 (19.1%). Tema politik ini tertumpu kepada penulisan tentang kenyataan tentang hak kebebasan beragama dikeluarkan oleh pemimpin politik yang mewakili parti-parti politik utama di Malaysia seperti Democratic (DAP), Parti Islam se-Malaysia (PAS), Parti Keadilan dan lain-lain. Kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin politik sememangnya bersifat sensasi dan sering menjadi perhatian bagi portal-portal berita atas talian. Selain daripada itu, isu HKB juga sentiasa menjadi perhatian pemimpin politik terutama dalam menghuraikan tentang kedudukan agama Islam dan Melayu. Pelaporan berita sensasi seperti ini dapat menaikkan rating portal atas talian.

Tema yang mendapat kedudukan ketiga tertinggi ialah tema keluar masuk Islam dengan nilai kekerapan 7 (10.3%). Tema keluar masuk agama merupakan antara tema sentral dalam perbincangan HKB. Dalam konteks HKB di Malaysia, isu keluar masuk agama terutamanya agama Islam adalah isu yang tidak berpenghujung. Isu ini menjadi hangat seawal tahun 2000 dan masih banyak kes dibicarakan sehingga kini. Sebenarnya isu keluar masuk Islam ini tidak hanya tertumpu kepada isu murtad teta-

pi ianya juga meliputi tentang status anak yang telah dilslamkan oleh ibu atau ayah yang telah memeluk Islam namun pasangannya kekal dalam agama asal atau dipanggil sebagai peluk Islam secara sepihak. Isu HKB yang terkait dengan tema keluar masuk Islam hendaklah dilaporkan secara berhati-hati oleh media kerana isu ini boleh disalaherti dan berpotensi mengganggu gugat keharmonian kehidupan pelbagai agama dan kaum di Malaysia.

Seterusnya tema yang juga mendapat perhatian dalam penulisan HKB di *Malaysiakini.com* ialah hak penyebaran agama bukan Islam, ajaran atau ideologi asing dan juga tema kalimah Allah dengan nilai kekerapan 6 (8.8%). Penulisan berita tertumpu kepada penulisan tentang hak penyebaran ajaran sesat seperti Syiah dan juga ideologi yang bercanggah dengan Islam seperti sekularisme dan liberalisme. Penulisan berita ini di *Malaysiakini.com* agak terbuka dan adakalanya mengkritik dasar-dasar yang menghalang penyebaran ideologi atau ajaran tersebut. Walaupun ianya dipetik daripada pandangan orang lain (bukan wartawan *Malaysiakini*), penulisan secara terbuka tentang isu larangan penyebaran ajaran sesat atau ideologi menyeleweng boleh menimbulkan kekeliruan dan secara tidak langsung menjejaskan proses undang-undang yang sedang dijalankan oleh insituti agama di Malaysia. Contohnya seperti penerbitan tulisan respon oleh *Lawyers for Liberty* (LFL) tentang larangan penyebaran ajaran Syiah melalui tajuk berita ("Tak Setuju Dengan Syiah Bukan Alasan Tangkap Pengikutnya - LFL," (2019). Walaupun dalam penulisan tersebut disertakan juga pandangan oleh Felo Penyelidik Undang-undang dan Perlembagaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Muhammad Fathi Yusof yang mempertahankan tindakan pihak berkuasa agama itu, penulisan dengan tajuk utama seperti itu, boleh menimbulkan kekeliruan.

Manakala isu kalimah Allah juga bukan merupakan isu yang baharu. Isu ini telah muncul sejak tahun 2009 (Bernama, 2015) berikutan tuntutan Herald Catholic untuk menggunakan kalimah Allah di dalam penulisannya. Oleh itu, isu ini tidak lagi timbul sehingga tahun 2021 dan telah kembali hangat pada tahun 2023. Penulisan HKB dengan tema kalimah Allah telah mencatatkan kekerapan sebanyak 5 (7.4%). Oleh itu, tema kalimah Allah merupakan tema utama penulisan berita HKB di *Malaysiakini.com* pada tahun 2023. Isu penggunaan kalimah Allah ini telah kembali hangat pada tahun 2023 dan media seperti *Malaysiakini.com* hendaklah melaporkan secara bijak berita ini dan mengambil penulisan yang tidak kontroversi untuk diterbitkan agar tidak menimbulkan kekeliruan.

Terdapat dua tema yang memperolehi nilai kekerapan 5 (7.4%) iaitu kenegaraan dan dialog dan toleransi beragama. Penulisan HKB yang terkait dengan tema kenegaraan adalah penulisan berkenaan undang-undang dan perpaduan atau integrasi nasional. Pelaporan berita tentang kenegaraan juga boleh dianggap seimbang mengikut tahun. Walaupun masih tiada penulisan HKB dengan tema kenegaraan pada tahun 2023, namun mengambilkira masih terdapat baki enam bulan untuk tahun 2023 yang

mungkin akan ada penulisan tentang kenegaraan. Manakala tema toleransi beragama dan dialog pula majoritinya dilaporkan pada tahun 2022 dengan nilai kekerapan 3 (4.4%). Ketiga-tiga berita adalah berkaitan dengan kehidupan penganut agama Kristian di Sabah dan Sarawak. Penulisan dan laporan berita seperti ini perlu diperbanyakkan sesuai dengan konteks kehidupan pelbagai agama utama di Malaysia iaitu Islam, Kristian dan Hindu-Budha. Ini kerana penulisan tentang tema kenegaraan dan dialog serta toleransi beragama adalah bertujuan untuk keharmonian dan kerukunan hidup beragama di Malaysia.

Dua tema yang mencatat nilai kekerapan 3 (4.4) ialah kebebasan melakukan dosa dan menghina Islam dan kritik institusi agama Islam. Dua penulisan yang mengkritik institusi Islam telah ditulis oleh penulis yang sama iaitu Faisal Tehrani berkenaan dengan mengambil latar kehidupan beragama masyarakat Kelantan pada tahun 2019. Manakala penulisan berkenaan dengan tema kebebasan melakukan dosa dan menghina Islam telah diterbitkan pada tahun 2020, 2021 dan 2022. Penulisan dalam tema ini juga ditulis dengan terbuka dan secara tidak langsung telah mengkritik tindakan autoriti untuk membentaras perbuatan sumbang dan berdosa. Contohnya dalam penulisan berkenaan Pusat Kewartawanan Bebas (CIJ) yang telah mengecam siasatan terhadap Zul Ariffin berhubung video yang disifatkan mengandungi unsur lucah yang dikongsi di media sosia pada tahun 2022.

Tema yang mendapatkan kekerapan yang rendah ialah tema pemeliharaan tradisi Islam dan hak asasi manusia iaitu sebanyak 2 (2.9%). Di bawah tema hak asasi manusia telah dilaporkan pada 2019 dan 2020 manakala dua tema berkenaan dengan pemeliharaan tradisi Islam telah ditulis pada tahun 2019 dan 2022. Tema yang mendapat nilai kekerapan yang paling rendah iaitu tema hak penyebaran Islam dengan nilai kekerapan 1 (1.5%). Penulisan yang telah diterbitkan berkenaan dengan tema ini adalah pada tahun 2019 iaitu isu yang berkaitan dengan usaha dakwah orang Islam kepada orang asli di Kelantan.

### **Kesimpulan**

Portal berita atas talian yang melaporkan berita atau menulis tentang HKB di Malaysia hendaklah berhati-hati kerana isu HKB yang terkait dengan agama termasuk kedudukan agama Islam di Malaysia boleh membawa kerosakan kepada kerukunan kehidupan masyarakat pelbagai kaum dan agama di negara ini. Isu-isu seperti keluar masuk agama, larangan penyebaran ajaran sesat dan ideologi menyeleweng dan penggunaan kalimah Allah bagi golongan bukan Islam boleh mengganggu ketenteraman awam jika dilaporkan secara tidak tepat terutamanya jika dinilai berdasarkan kepada keterbukaan hak asasi manusia di peringkat antarabangsa.

Bagi menyeimbangkan pelaporan dan penulisan berita HKB yang bersifat masalah atau isu, portal berita atas talian seperti *Malaysiakini.com* juga disarankan untuk

menulis tentang sikap toleransi beragama dan kehidupan yang harmoni yang dalam kalangan masyarakat Malaysia untuk diraikan bersama. Contohnya penulisan tentang tema kenegaraan dan dialog serta toleransi beragama yang bertujuan untuk keharmonian dan kerukunan hidup beragama di Malaysia. Penulisan yang berhemah boleh meningkatkan semangat integrasi nasional dan kehidupan saling hormat-menghormati antara pelbagai agama dapat disemarakkan dalam kehidupan masyarakat Malaysia.

Kesimpulannya, kertas kerja ini telah mencapai objektif kajian dengan menganalisis penulisan di portal *Malaysiakini.com* dan mengenal pasti 12 tema utama berkaitan isu HKB di Malaysia iaitu; (1) Antarabangsa, (2) Dialog dan toleransi beragama, (3) Hak asasi manusia, (4) Hak penyebaran agama bukan Islam, ajaran dan ideologi asing, (5) Hak penyebaran agama Islam, (6) Kalimah Allah, (7) Kebebasan melakukan dosa dan menghina Islam, (8) Keluar masuk Islam, (9) Kenegaraan, (10) Kritik insittusi agama Islam, (11) Pemeliharaan tradisi Islam dan (12) Politik. 12 tema utama ini menjelaskan situasi HKB di Malaysia dan secara langsung menggambarkan HKB di Malaysia ke peringkat antarabangsa.

### Penghargaan

Kertas kerja ini diterbitkan di bawah *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) yang diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di bawah tajuk "Pembangunan Indeks Hak Kebebasan Beragama di Malaysia Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan Malaysia".

### Rujukan

- Abdul Hadi Awang. (2019). Malang Melayu sahaja dilabel rasis. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/497416>
- Agensi hak asasi manusia OIC kutuk kekejaman Israel. (2021, May 10). *Bernama*. <https://www.malaysiakini.com/news/574086>
- Aminuddin Yahaya. (2019). "PH perkasa Islam? Kosong peratus." *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/columns/475697>
- Andrew Sia. (2022, November 21). "*Rakyat Sarawak bimbang pakatan GPS-PAS.*" <https://www.malaysiakini.com/news/645178>
- Bernama. (2019). Mujahid bawa isu keamanan, halal dan haji ke China. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/481984>
- Bernama. (2019). Sultan Nazrin: Lepas 62 tahun, agenda perpaduan masih samar. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/499295>

- Bernama. (2019). "Tidak perlu pertikai usaha dakwah kepada Orang Asli Kelantan." *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/481159>
- Bernama. (2020, July 17). *Lelaki dipenjara 26 bulan kerana hina Islam, Nabi dan Hadi Awang*. <https://www.malaysiakini.com/news/534867>
- Bernama. (2020, August 3). *Program Mukhyyam: Jakim lapor polis terhadap akaun Twitter*. <https://www.malaysiakini.com/news/537157>
- Bernama. (2020, August 27). *Mahkamah Tinggi diarah tentukan status agama 39 pengikut Ahmadiyah*. <https://www.malaysiakini.com/news/540370>
- Bernama. (2020, October 28). *Malaysia kecam ucapan fitnah Islam*. <https://www.malaysiakini.com/news/548389>
- Boleh guna perkataan Allah tapi tetap ada sempadan, kata Hadi*. (2021, March 12). <https://www.malaysiakini.com/news/566286>
- CIJ kecam siasatan terhadap Zul Ariffin*. (2022, March 22). <https://www.malaysiakini.com/news/615486>
- Dr M kecam Presiden Perancis susulan kenyataan tentang Islam*. (2020, October 29). <https://www.malaysiakini.com/news/548637>
- Dr M: Kenyataan saya tentang isu di Perancis diputar belit*. (2020, October 30). <https://www.malaysiakini.com/news/548745>
- Dr Mujahid Yusof. (2020, January 1). *2020 datang bersama konflik baru dunia Islam*. <https://www.malaysiakini.com/news/505582>
- Faisal Tehrani. (2019). *Bangsa Kelantan*. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/columns/478515>
- Faisal Tehrani. (2019). *Membunuh Mak Yong dan Petala Indra*. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/columns/463364>
- Faisal Tehrani. (2021, May 11). *KOLUM | Liberal akan bebaskan Palestin*. <https://www.malaysiakini.com/columns/574197>
- G25. (2020, January 16). *G25 perjelas laporan tentang murtad, Jakim*. <https://www.malaysiakini.com/news/507398>
- Geraldine Tong, & Zikri Kamarulzaman. (2023, May 26). *PANDUANKINI | Melihat dari awal isu penggunaan kalimah "Allah"*. <https://www.malaysiakini.com/news/666482>

- GPS pertahan kebebasan beragama, tolak ekstremisme - Abang Jo. (2022, December 24). *Bernama*. <https://www.malaysiakini.com/news/649305>
- Hadi: Pembangkang perlukan bukan Islam yang tak ekstrem. (2019). *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/498478>
- Haris Ibrahim kembali jadi peguam demi pertahan Malaysia "sekular."* (2022, July 28). <https://www.malaysiakini.com/news/629925>
- Hidir Reduan Abdul Rashid. (2021, March 17). *Ejen insurans mohon mahkamah batal status peluk Islam secara sepihak*. <https://www.malaysiakini.com/news/566897>
- Hidir Reduan Abdul Rashid. (2021, November 23). *Pelajar sekolah vernakular hadapi masalah kerana lemah BM - Peguam*.
- Hidir Reduan Abdul Rashid. (2023, January 19). *3 majlis agama tarik diri dari mencehlah dalam kes 'Allah.'* <https://www.malaysiakini.com/news/652166>
- Hidir Reduan Abdul Rashid. (2023, July 24). "Jika permohonan keluar Islam ditolak, anak guam terpaksa keluar Malaysia." *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/673046>
- Hishamuddin Abdul Karim. (2019). Pemuda PAS senarai "15 hujah DAP anti-Islam." *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/461296>
- Ibrah dari kemenangan Liverpool menurut mufti Wilayah. (2019). *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/sukan/478369>
- Isu Injil bukti PAS, PN tak sesuai terajui masyarakat majmuk - Aziz Bari.* (2020, September 2). <https://www.malaysiakini.com/news/540984>
- Isu kalimah "Allah": Kerajaan kaji arahan lebih menyeluruh - Saifuddin. (2023, May 16). *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/665338>
- Jakoa siasat dakwaan ubah suai MyKad Orang Asli jadi Islam. (2019). *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/484927>
- Jessica Ong Hai Liaw, & Rabi'ahtuladawyah Md Saleh. (2022, February 4). *ULASAN | Di sebalik kepercayaan kepada Tuhan*. <https://www.malaysiakini.com/news/609416>
- KDN semak semula sekatan buku selama 42 tahun.* (2020, September 3). <https://www.malaysiakini.com/news/541115>
- Kes video murtad dalam siasatan polis - Zulkifli. (2021, February 21). *Bernama*. <https://www.malaysiakini.com/news/563767>



- Kesatuan guru Kanada fail saman larangan guna simbol agama. (2019, November 20). *Bernama*. <https://www.malaysiakini.com/news/500524>
- Lembaga pengawas Facebook jadikan ciapan Dr M kes pertama Diterbitkan: Dec 2, 2020 12:18.* (2020, December 2).
- Lim Hong Siang. (2022, May 7). *KOLUM | Entah berapa pusingan PRU lagi.* <https://www.malaysiakini.com/columns/620396>
- Lim Kit Siang. (2023, March 10). *ULASAN | Anwar lulus ujian 100 hari, PN gagal.* *Malaysiakini*.
- Lim San Shien. (2021, March 19). *SURAT | Fahami perlembagaan, undang-undang tertinggi negara.* <https://www.malaysiakini.com/letters/567205>
- M Fakhru Halim. (2019, November 5). *PAS sokong MCA kerana Melayu-Islam 'terlalu majoriti.'* <https://www.malaysiakini.com/news/498697>
- M Fakhru Halim. (2019, December 27). *Kumpulan moderat, keras, berhimpun demi Uyghur.* <https://www.malaysiakini.com/news/505065>
- Malaysia kecam sekeras-kerasnya provokasi bakar Al-Quran di Sweden.* (2022, April 17). <https://www.malaysiakini.com/news/618368>
- Malaysia, Sweden teruskan usaha perangi Islamofobia. (2023, February 4). *Bernama*. <https://www.malaysiakini.com/news/653935>
- Menteri: Akta kawal penyebaran agama bukan Islam hanya untuk Wilayah Persekutuan.* (2021, September 10). <https://www.malaysiakini.com/news/590839>.
- Mohamed Adil, M.A. (2003). Hak Tukar agama Dalam Perlembagaan Malaysia: Konflik Antara Kebebasan Beragama dan Hukum Islam. *Jurnal Syariah*, 11(1), 23-46.
- Mohd Fudzail Mohd Nor. (2020, November 4). *KOLUM | New Zealand 'negara Islam' nombor 1 di dunia.* <https://www.malaysiakini.com/columns/549305>
- Mujahid Yusof. (2023, May 16). *ULASAN | Kalimah Allah: Bukan petanda kerajaan tak lagi bela Islam.* *Malaysiakini*.
- N Faizal Ghazali. (2019). M'sia patutnya jadi pelindung utama Zakir Naik. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/486243>
- N Faizal Ghazali. (2020, October 28). *Pemuda PAS Kelantan gesa boikot barangan Perancis.* <https://www.malaysiakini.com/news/548497>
- Ng Xiang Yi. (2022, January 13). *Majlis Daerah Batu Gajah: Tulisan Jawi tak wajib tapi digalakkan.* <https://www.malaysiakini.com/news/606796>

- Noor Azlida Alimin. (2023, May 15). Kerajaan, KDN tarik balik rayuan kalimah ALLAH. *Sinar Harian*.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/258605/berita/semasa/kerajaan-kdn-tarik-balik-rayuan-kalimah-allah>
- PAS jamin takkan laksana dasar menekan, khususnya di Sabah, Sarawak.* (2022, November 21). <https://www.malaysiakini.com/news/645199>
- Peguam: Amaran PAS berhubung isu agama anak Loh menghina mahkamah.* (2022, March 29). <https://www.malaysiakini.com/news/616269>
- Pembaharuan hak asasi di Malaysia terhenti pada 2019, kata badan pemantau.* (2020, January 15). <https://www.malaysiakini.com/news/507176>
- Pemimpin kerajaan gesa perpaduan, tolak ekstremisme dalam ucapan Krismas. (2022, December 25). *Bernama*. <https://www.malaysiakini.com/news/649314>
- Persatuan Gereja Sarawak rayu kekalkan keamanan. (2019). *Malaysiakini*.  
<https://www.malaysiakini.com/news/468333>
- Platform for Reform (Kluster Harmoni). (2020, December 8). *SURAT | Ironi serangan pada liberalisme dan sekularisme*. <https://www.malaysiakini.com/letters/554409>
- PSB janji tanah pegangan bebas, sekularisme, penghutanan semula.* (2021, December 7). <https://www.malaysiakini.com/news/602128>
- Ramieza Wahid. (2019, December 20). *NGO hantar laporan hak asasi kanak-kanak kepada kementerian*. <https://www.malaysiakini.com/news/504376>
- Ramieza Wahid. (2020, January 11). *G25: Jika mahu tinggalkan Islam, itu antara dia dan Tuhan*.
- Raveena Nagotra. (2022, March 17). *Polis siasat aktivis berhubung video isu penukaran agama sepihak*. <https://www.malaysiakini.com/news/614844>
- Rusdi Omar. (2023, May 18). *ULASAN | Kes 'Allah': Kenapa hujah Muhyiddin terlalu rapuh*. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/665541>
- Sekat judi, arak nafi hak orang bukan Islam - Ramasamy.* (2021, November 14). <https://www.malaysiakini.com/news/599180>
- Shahir Adnan. (2020, July 14). *Di kala Rukun Negara diabaikan*. <https://www.malaysiakini.com/news/534392>
- Suara dari Sabah rayu PM hentikan RUU sekat sebar agama bukan Islam.* (2021, September 16). <https://www.malaysiakini.com/news/591599>

- Tajuddin dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen.* (2019, December 5). <https://www.malaysiakini.com/news/502559>
- Tak setuju dengan Syiah bukan alasan tangkap pengikutnya - LFL. (2019). *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/491796>
- Tiada keperluan bangkit kebimbangan terhadap hak Sabah, Sarawak.* (2020, December 14). <https://www.malaysiakini.com/news/555110>
- Twitter padam ciapan Dr M kerana "langgar peraturan."* (2020, October 29).
- Wong Kai Hui. (2019). Isu Uighur: NGO Islam bantah depan kedutaan China. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/482607>
- Zawawi sedia berdialog secara harmoni.* (2020, August 29). <https://www.malaysiakini.com/news/540559>
- Zikri Kamarulzaman. (2021, December 4). *Isu tudung Yeoh semarakkan pertembungan aliran dalam DAP.* <https://www.malaysiakini.com/news/601713>